

PERTAHANKAN HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA (PHSKLU)

B-G-15, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: +603-79545724 Fax: +603-79545725
Email: peoplesbhr@suaram.net



9 SEPTEMBER 2021

PHSKLU MENYAMBUT KEPUTUSAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR UNTUK MEMANSUHKAN PENYAHWARTAAN HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA (HSKLU)

Gabungan Pertahankan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (PHSKLU) menyambut baik keputusan kerajaan negeri Selangor untuk memansuhkan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU). Pada masa yang sama, kami mendesak kerajaan negeri agar dengan segera mempercepatkan dan menyelesaikan pewartaan semula HSKLU sebagai hutan simpanan kekal dan meningkatkan pengurusan hutan menerusi penglibatan masyarakat, serta mengatasi cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli setempat.

Kami mengucapkan terima kasih kepada ratusan ribu rakyat dari Selangor dan seluruh Malaysia yang menyokong kempen selamatkan HSKLU selama 18 bulan ini - melalui surat bantahan, petisyen, dan kempen media sosial - serta organisasi masyarakat civil, institusi penyelidikan, agensi kerajaan dan pihak sektor swasta yang telah memberikan sokongan mereka terhadap proses ini.

Kami juga berterima kasih kepada: kepimpinan PKR atas perhatian yang diberikan; ADUN Selangor kerana meluluskan Usul No. 26 pada November lalu untuk melindungi semua hutan di Selangor; menteri dan agensi persekutuan atas bantahan tegas mereka; usaha khas Kg Orang Asli Busut Baru untuk menentang tekanan dan memperjuangkan hak mereka; dan Menteri Besar Selangor dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Selangor kerana mendengar kehendak dan suara rakyat.

Kami juga menyedari peranan penting yang dimainkan oleh media tempatan dalam liputan isu ini selama 18 bulan ini, termasuk lebih daripada 200 artikel dan wawancara dalam pelbagai bahasa. Ini adalah kekuatan potensi media dalam mendidik dan meningkatkan kesedaran mengenai hak orang asli dan isu-isu alam sekitar di kalangan orang ramai.

Pada masa yang sama, kami tetap resah dengan bagaimana Kerajaan Negeri dapat mempercepatkan langkah untuk menjaga kepentingan pihak luar dengan menawarkan tanah untuk pembangunan, sementara masyarakat Orang Asli Temuan setempat yang tinggal di sekitar HSKLU masih belum menerima sokongan dan perkhidmatan asas yang lengkap.

Walaupun mereka telah mendiami di kawasan itu selama sekurang-kurangnya 130 tahun, namun mereka tidak mempunyai kawalan atau jaminan ke atas tanah mereka dan selalu diancam dengan pengusiran; malah mereka turut berdepan dengan masalah tanah perkuburan mereka digondol dan ladang mereka digali untuk perlombongan pasir, mereka hanya mendapat sokongan yang kecil sahaja untuk menyara kehidupan dan kesejahteraan mereka. Rentetan itu, kerajaan negeri telah mempercepatkan proses penyahwartaan hutan dalam tempoh setahun sahaja, walau bagaimanapun kampung mereka masih belum diwartakan sebagai rizab Orang Asli yang kini telah melebihi tempoh 10 tahun seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri.

Kami juga bimbang bahawa, dalam pernyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Besar pada 8 September 2021, Selangor masih merancang untuk menyahwarta sebahagian daripada HSKLU yang tiada galang ganti ini untuk pembangunan projek Jalur Kereta Api Pantai Timur (ECRL) - walaupun telah mendapat keputusan dari Kerajaan Persekutuan untuk mengubah laluan projek tersebut 50km ke arah Utara. Selain itu, penjajaran sebelumnya adalah beberapa kilometer jauh dari HSKLU, hal ini demikian, alasan menyahwarta tidak lagi relevan untuk mengambil sebahagian kawasan hutan ini bagi projek ECRL.

Kami meminta agar tindakan segera perlu diambil seperti berikut.

Kepada Kerajaan Negeri Selangor:

1. Dalam 30 hari, pewartaan semula sebagai hutan simpanan kekal di seluruh kawasan nyahwarta di HSKLU, kecuali 40 hektar yang diperuntukkan bagi perizaban Kg Orang Asli Busut Baru.
2. Dalam masa tiga (3) bulan, wartakan tanah empat buah Kampung Orang Asli yang berdekatan dengan HSKLU, iaitu Kg Orang Asli Busut Baru, Kg Orang Asli Pulau Kempas, Kg Orang Asli Bukit Cheeding dan Kg Orang Asli Bukit Kechil.
3. Jawatankuasa Pilihan Selangor mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban, dan Ketelusan (SELCAT) harus meneliti masalah serius yang kelihatan dalam proses penyahwartaan selama 24 bulan yang lalu, termasuk kurangnya ketelusan, keputusan tidak wajar, proses penyiasatan yang tidak teratur, ancaman kepada masyarakat orang asli untuk menarik balik sokongan bantahan; pemilihan dan perubahan pemaju dll.
4. Laporan Cadangan Pemansuhan Hutan Simpan Kuala Langat yang disediakan oleh Jabatan Perhutanan Selangor berdasarkan bantahan dan pertanyaan orang ramai perlu dipaparkan dan didedahkan untuk semakan orang awam.
5. Memperkasakan Usul No. 26 sebagai panduan untuk semua rancangan pembangunan negeri dan daerah masa depan.
6. Mengambil langkah-langkah untuk memperkuatkan perlindungan dan pengurusan pengekalan hutan di Selangor untuk mencegah kemusnahan dan penyahwartaan tidak wajar berlaku pada masa depan. Ini termasuk mengalihkan kuasa untuk menyahwarta dari Exco dan memberikan kuasa tersebut kepada Dewan Undangan Negeri Selangor untuk membuat keputusan ini, untuk meningkatkan proses dan ketelusan pendengaran awam dan perundingan pihak berkepentingan.
7. Meningkatkan peruntukan sumber bagi perlindungan dan pengurusan HSKLU, serta peningkatan kesejahteraan dan kelangsungan hidup masyarakat Orang Asli, termasuk

menyokong pembangunan ekopelancongan dan kemudahan pendidikan di HSKLU agar rakyat Selangor dan dunia dapat menikmati dan mempelajari keunikan ekosistem hutan ini.

Kepada Kerajaan Persekutuan:

1. Terlibat secara aktif dalam menyokong semua usaha kerajaan negeri di Malaysia serta memberi peruntukan insentif kepada negeri-negeri yang mengutamakan perlindungan hutan dan tanah gambut daripada pembangunan tidak terkawal - untuk memenuhi komitmen negeri, negara dan antarabangsa ke arah alam sekitar dan pembangunan yang lestari.
2. Menyediakan peruntukan kebangsaan dan antarabangsa untuk membantu negeri-negeri bagi memastikan bahawa Kawasan Sensitif Alam Sekitar seperti hutan, tanah gambut, sungai, bukit, dan laut dilindungi dari kemusnahan, demi tujuan mitigasi perubahan iklim dan pemuliharaan kepelbagaiannya biologi, sambil menghormati penjaga hutan termasuk hak mereka.

Kepada rakyat dan media:

1. Semua yang telah menyokong seruan untuk menyelamatkan HSKLU, diharapkan terus kekal menyokong usaha perlindungan dan pengurusan masa depan kawasan tersebut dan untuk menyokong masyarakat Orang Asli yang telah menjadi penjaga hutan ini.

Akhir sekali, kami menggesa semua wakil rakyat dan pembuat dasar Selangor untuk membuat perubahan serius demi melindungi semua Kawasan Sensitif Alam Sekitar seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Struktur Negeri 2035 dan membuat komitmen yang tidak berbelah bahagi bagi membantu memerangi perubahan iklim - salah satu ancaman terbesar bagi semua manusia.

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan uruseria di talian 019-569 6964 (Suresh) atau melalui emel peoplebhr@suaram.net. Kenyataan ini disediakan oleh Gabungan PHSKLU yang dianggotai oleh:

1. Center for Orang Asli Concerns (COAC)
2. Five Arts Centre
3. Global Environment Centre (GEC)
4. Greenpeace Malaysia
5. Malaysian Nature Society (MNS) Selangor Branch
6. MISI: Solidariti
7. Parti Sosialis Malaysia (PSM)
8. Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA)
9. Persatuan Kesedaran dan keadilan Iklim Malaysia (Klima Action Malaysia-KAMY)
10. Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat

11. Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera (GRASS) Malaysia
12. Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA)
13. Sahabat Alam Malaysia (SAM)
14. SUARAM (Suara Rakyat Malaysia)
15. Treat Every Environment Special Sdn Bhd (TrEES)
16. Shaq Koyok, aktivis Orang Asli